



## Dua calon BN Kelantan tarik diri petanda BN tidak diyakini - Husam

Sat | Feb 23, 08 | 12:56:10 pm MYT : Wan Nordin Wan Yaacob

KOTA BHARU, 23 Feb (Hrkh) - Dua calon Barisan Nasional (BN) yang diumumkan Pengerusi BN Kelantan, Dato' Seri Annuar Musa semalam menarik diri dari bertanding pada pilihan raya umum kali ini, kata Naib Presiden PAS, Dato' Husam Musa.

Dalam satu sidang medianya di Global Media dekat sini hari ini Husam berkata, beliau mendapat maklumat yang boleh dipercayai, calon BN di Parlimen Pengkalen Chepa, Profesor Madya Dr Abdullah Sudin dan calon Pasir Mas, Dato' Abdul Halim Ahmad menarik diri.

"Ini adalah satu petanda yang menunjukkan keyakinan rakyat terhadap BN di Kelantan sangat rendah," kata Husam yang akan bertanding di Dun Salor setelah berpindah dari Dun Kijang.

Beliau juga melihat pengurusan penyenaian calon BN di Kelantan ini tidak kemas.

"Bila berlaku penarikan diri ini ia satu 'set back' menunjukkan calon tidak ada kepercayaan kepada BN atau yakin kepada BN,"ujarnya lagi.

Sementara itu mengulas mengenai perkembangan calon-calon PAS beliau menyatakan setakat ini calon yang diumumkan semalam adalah kalangan mereka yang diterima oleh ahli mahu pun penduduk setempat.

Ujarnya lagi, ahli PAS sendiri cukup berdisiplin dan tidak memprotes calon-calon yang disenaraikan oleh kepimpinan parti.

Beliau sendiri sebelum ini bertanding di Dun Kijang dan menang pada pilihan raya umum lalu, namun terpaksa akur dengan keputusan kepimpinan parti untuk berpindah ke Dun Salor.

### Annuar Musa 'liabiliti' kepada Umno/BN

Beliau juga menaruh keyakinan rakyat akan memilih PAS memandangkan faktor kemelut yang berlaku dalam BN.

Mengulas mengenai pertukaran Annuar Musa ke Parlimen Ketereh beliau melihat bahawa rakyat masih memandang Annuar sebagai 'liabiliti' kepada Umno/BN. Ke mana sahaja Pengerusi BN Kelantan itu bertanding, beliau tetap dilihat sebagai 'liabiliti' dan bukannya aset kepada BN, ujar Husam.



Liabiliti UMNO : Annuar Musa

"Liabiliti tetap liabiliti, ia tak akan jadi aset," ujarnya.

Sementara itu sumber Umno menyebut penarikan diri Halim Ahmad adalah kerana beliau tidak mahu bertembung dengan rakan baiknya, Dato' Ibrahim Ali yang menjadi calon 'restu' PAS di Pasir Mas.

Halim dikatakan sangat terutang budi kepada Ibrahim Ali ketika mahu mendapatkan jawatan tertentu.

Namun setakat ini keputusan rasmi dari kedua-dua calon yang dikatakan menarik diri itu belum diumumkan lagi. Annuar Musa dikatakan akan mengumumkan calon gantian di dua Parlimen itu hari ini./wann

## Bekas EXCO Negeri Kedah dari UMNO ambil keputusan sertai PAS

Sat | Feb 23, 08 | 12:48:28 pm MYT : Helmi Khalid

ALOR STAR, 23 Feb (Hrkh) - Lagi berita gempar dari Kedah. Jika kelmarin bekas Exco parti Gerakan, Cheung Khai Yan menyertai KeADILan, hari ini bekas Exco dari UMNO pula bakal menyertai PAS dan akan menyerahkan borang keahlian kepada

*Ustaz Azizan akan menerima borang penyertaan di majlis penyerahan borang penyertaan yang akan dilangsungkan pada jam 5.00 petang ini di pejabatnya tidak jauh dari bandar Alor Star.*



Pesuruhjaya PAS Kedah, Ustaz Haji Azizan Abdul Razak.

Beliau dilantik sebagai Exco bagi penggal 1999 dan digugurkan pada sesi 2004.

Majlis penyerahan borang akan dilangsungkan pada jam 5.00 petang ini di pejabatnya tidak jauh dari bandar Alor Star.

Difahamkan, BN Kedah menghadapi pelbagai masalah kronik dalam pilihan raya kali ini dengan beberapa insiden protes seperti di Sik, Jerlun, Langkawi, Alor Star, Pokok Sena, Kuala Kedah dan beberapa kawasan lain yang ke semuanya berkisar mengenai ketidakpuasan hati mengenai calon yang dipilih.

MB Kedah, Dato' Seri Mahdzir Khalid juga semakin dipertikaikan kerana semua komponen BN tahu, beliau sedang menggunakan kuasa dan pengaruh yang ada untuk mengumpul dana pilihan raya berangka ratusan juta ringgit tetapi setakat ini tidak disalurkan ke mana-mana bahagian atau bilik gerakan BN atau Umno.

Bagi mereka, Mahdzir hanya mementingkan diri sendiri untuk memastikan beliau terus menang di Dun Pedu tetapi sanggup membiarkan jentera di tempat lain lumpuh ekoran tidak mendapat kerjasama petugas kerana tidak mendapat wang yang secukupnya. - mns

### SMS BERITA TERKINI :

Taip ON<ruang>HARAKAH dan hantar ke 77770



Perolehi perkembangan terkini Pilihanraya Umum ke-12 dengan pantas terus ke telefon bimbit anda !

\*Hanya RM5 sebulan dan untuk pelanggan Celcom sahaja.